

## The Perlunya Mendapatkan Ilmu

□ Seseorang yang bercita-cita untuk mencari ilmu hendaklah sebagai langkah pertama menjalani proses mensucikan jiwa; tanamkan *ketaqwaan* (takut kepada Allah) dalam jiwanya, bebaskan dirinya dari niat yang keji dan bermotifkan keduniaan, dan selalulah melihat dan menilai diri sama ada ilmu yang di dapati untuk tujuan keduniaan. Seseorang juga hendaklah ingat bahawa takut kepada Allah adalah kerekter khusus seorang *'alim* (orang yang mempunyai ilmu) dan sesiapa yang tidak takut kepada Allah adalah diluar barisan orang yang mempunyai ilmu, tidak kira berapa banyak dia telah menghafal atau betapa menarik kata-katanya ketika bercakap.

□ Di setiap langkah menuntut ilmu, kamu hendaklah merenung dan memikirkan dengan mendalam kepada yang menjadi tujuan *utama* disebalik menuntut ilmu. Tanyalah diri kamu: Mengapa saya menuntut ilmu? Adakah untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, untuk bertanding dengan kawan atau kumpulan, untuk mendapat anugerah, ijazah atau kedudukan social? Jika kamu mencari pengajian yang lebih tinggi, adakah kamu menuntut untuk menulis buku dan kertas kerja dan membuat syarahan-syarahan umum supaya dipuji sebagai lelaki atau wanita berilmu? Atau hanya untuk keridhaan Allah dan berbakti kepada makhlukNya?

□ Ilmu yang kamu dapati seharusnya memimpin kamu menjadi lebih bertaqwa, melakukan amalan yang ikhlas dan menjadikan kamu mencintai dan lebih takut kepada Allah dengan bertambahnya ilmu. Ilmu yang tidak menjadikan seseorang melakukan amalan yang baik bukanlah ilmu yang hak. Ilmu yang terhad pada syarahan-syarahan dan tidak mengandongi aplikasi praktikal untuk makhluk Allah adalah ilmu yang ditahap paling rendah dan akan hilang dengan berlalunya masa.

□ Perhatikan tingkah laku kamu ketika kamu mendapatkan ilmu Adakah menjadikan kamu lebih rendah hati dan lebih bersabar terhadap rakan dan teman? Atau adakah menjadikan kamu lebih sombong, bongkak dan suka berbalah? Adakah menjadikan kamu lebih sukar untuk menerima kebenaran dan mengakui kejahilan kamu dalam perhimpunan manusia? Adakah menjadikan kamu cemburu kepada mereka yang lebih ilmunya dari kamu? Ingatlah bahawa egoism akan hancur dan terhapus dengan ilmu yang hak dan tanda-tanda tingkah laku yang terdapat dalam ilmu yang hak adalah, tidak terdapat sama sekali egoism, angkuh, mencintai diri dan kesombongan..

□ Ketika mengikuti jalan ilmu, kamu hendaklah berserah kepada Tuhan, hormati guru, dan jangan malu untuk mendapatkan ilmu dari yang lebih muda dari kamu. Semak dan fikirkan semula apa yang kamu telah pelajari. Selalulah berdoa kepada Allah supaya membantu kamu dengan rahmatNya dan mengilhamkan ide-ide yang baik, dan melindungi kamu dari menggunakan ilmu untuk mendapatkan kepentingan dunia dan bermotif untuk diri sendiri.

### Penutup:

□ Imam Ali (as) berkata: "**Seorang yang keluar untuk mendapatkan ilmu adalah seperti seorang yang berjuang di jalan Allah**" [Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jilid 1, ms 179]

Untuk mengetahui lebih lagi mengenai Islam yang sah, kunjunglah:

<http://al-islam.org/faq/>

*...Dan takutlah kepada Allah, (supaya) Allah akan mengajar kamu...*

(Qur'an, 2: 282)

Rasul Islam (saw) yang suci berkata:

**“Mencari ilmu adalah wajib diatas setiap Muslim, lelaki dan wanita.”**

[Al-Majlisi *Bihar al-Anwar*, jilid 1. ms 177]

**Kemuliaan Jiwa ...**

# Menuntut Ilmu

Menurut dari ajaran Islam, menuntut ilmu adalah satu dari ibadah yang terpuji yang membawa seseorang ke Syurga. Bagaimanapun, matlamat disebalik menuntut ilmu itu lebih penting dari ilmu itu sendiri. Ketulusan menuntut ilmu dengan matlamat keTuhanan, untuk keridhaan Allah dan berbakti kepada makhlukNya, akan membawa seseorang ke Syurga dalam kumpulan para Nabi dan *Awliya*. Tetapi mencari ilmu untuk kepentingan diri, duniawi atau bermotif keduniaan akan membawa seseorang kepada kejahilan, berdosa terhadap makhluk Allah, dan akhirnya, Neraka.

## Realiti Ilmu

- ❑ Nabi Muhammad (saw) berkata: **“Ilmu tidak (diperolehi) melalui kuatnya belajar. Bahkan, itu adalah cahaya yang Tuhan pancarkan ke dalam hati sesiapa yang Dia hendak berikan petunjuk.”** [Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jilid 67, ms 140]
- ❑ Semua cabang Ilmu, tidak kira apa juga jenisnya, boleh dibahagikan ke dalam dua kategori yang luas: (1) Ilmu Pengetahuan Akhirat, yang bermatlamat untuk mencapai kedudukan tinggi di sisi Allah, berbakti kepada makhluk Allah, dan mendapatkan ganjaran di Akhirat. (2) Ilmu Pengetahuan Dunia, yang bermatlamat untuk mengejar kebendaan, kekayaan, kedudukan social, dan kepuasan egoistik dan bermotifkan kepentingan diri. Dari itu, niat dibalik mendapatkan ilmu itulah yang menentukan untuk keduniaan atau akhirat
- ❑ Setiap jiwa yang berterusan mencucikannya dari condong kepada maksiat dan mencintai diri akan menerima ilham jiwa yang suci (malaikat). Ilmu yang di perolehinya adalah ilmu yang hak, ilmu ketuhanan; kerana ilmu itu akan memimpinya melakukan amalan terpuji dan membawanya hampir kehadiran Ilahi. Ilmu yang hak ini adalah lampu kerohanian yang memandu dan menunjukkan ke jalan yang lurus kepada Allah dan tempat yang bahagia..
- ❑ Jiwa yang dikuasai oleh kecintaan diri dan condong kepada maksiat akan menerima ilham berkereker syaitan, akan membuatnya jadi bertambah jahil (i.e menjadi jahil dan jahil terhadap kejahilan diri) dan terdapat penutup yang membuatnya buta pada realiti tujuan penciptaan Ilahi, sifat-sifat Tuhan dan kehidupan akhirat. Dari itu, apa juga ilmu yang diperolehi akan membawanya kematlamat dunia, bermotif kepentingan diri, bertindak keji dan akhirnya membawa ke Neraka.
- ❑ Nabi Muhammad (saw) berkata: **“Sesungguhnya ilmu mengandungi yang tiga ini: ‘tanda pasti’, ‘sekadar tugas’ dan ‘sunnah yang termaktub (kaedah)’. Selebihnya adalah berlebihan.”** [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 1, "kitab fadl al-'ilm", "bab sifat al-'ilm wa fadluh", hadith #1]
- ❑ Ungkapan ‘tanda pasti’ bermaksud pengetahuan rasional, doktrin yang sebenar dan pengajaran dari Ilahi. ‘Sekadar tugas’ bermaksud pengetahuan etika dan pembersihan diri. ‘Sunnah yang termaktub’ merujuk kepada pengetahuan dari aspek matematik dan yang melibatkan semacam aktiviti fizikal. Ada kalanya menuntut ilmu menjadi ‘sekadar tugas’ dan pada masa yang lain ‘sunnah yang termaktub’.
- ❑ Pengetahuan perubatan, anatomi, astronomi, astrologi dst apabila di lihat padanya sebagai tanda-tanda dan simbol-simbol Ilahi, dan juga pengetahuan berkaitan sejarah dan ketamadunan, apabila di lihat padanya sebagai cara-cara untuk mendapatkan pengajaran dan teguran adalah termasuk juga dalam kategori ‘tanda pasti’ kerana dengan cara itu ilmu mengenai Ke Tuhanan atau ilmu mengenai akhirat boleh di perolehi atau disahkan.

## Mulianya Menuntut Ilmu yang Hak

- ❑ Nabi Muhammad (saw) berkata: **“Seseorang yang berjalan di jalan menuntut ilmu, di masa yang sama Allah menjadikannya berjalan menuju ke Syurga. Dan sesungguhnya para-para malaikat mengembangkan sayap mereka untuk para penuntut ilmu dengan perasaan gembira. Sesungguhnya setiap makhluk di langit dan di bumi meminta ampun untuk penuntut ilmu, termasuklah ikan di laut. Kemuliaan orang yang ‘alim (berilmu) di atas orang yang abid (taat)**

adalah seperti mulianya bulan diatas bintang-bintang di malam bulan penuh. Yang berilmu adalah pewaris para Nabi, kerana para Nabi tidak meninggalkan warisan harta tetapi ilmu. Maka sesiapa yang mengambil bahagian akan mendapat manfa'at yang banyak.”[Al-Kulayni, *al-Kafi*, jilid 1, kitab fadl al-'ilm, hadith # 1]

## Sifat-sifat Moral Ilmu yang Hak

- ❑ Ilmu, apabila di dapati dengan kesucian, tanpa kepentingan diri dan niat kerana Allah, akan mengubah personaliti seseorang menjadi seperti makhluk langit (malaikat). Orang berilmu sedemikian menjadi jelmaan sifat yang digerakkan Allah, maka kereker, pertuturan dan tindakannya membayangkan semuanya.
- ❑ Imam Ali (as) pernah berkata: **“Wahai penuntut ilmu, ilmu mempunyai banyak kemuliaan. (Jika kamu bayangkannya sebagai manusia maka) kepalanya adalah rendah diri, matanya adalah bebas dari iri hati, telinganya adalah kefahaman, lidahnya adalah kebenaran, mindanya adalah menyelidikkkan, hatinya adalah niat yang baik, inteleknya adalah ilmu (ma'rifah) mengenai benda dan perkara, tangannya adalah belaian kasih sayang, kakinya adalah menziarahi yang berilmu, keazamannya adalah kejujuran, kebijaksanaannya adalah ketaqwaan, tempat tinggalnya adalah keselamatan, kemudinya adalah kesihatan, tunggangannya adalah ketaatan, senjatanya adalah kelembutan berbicara, pedangnya adalah berpuas hati (ridha), tunduknya adalah kesabaran, tenteranya adalah perbincangan dengan yang berilmu, hartanya adalah pekerti yang mulia, simpanannya adalah menahan diri dari maksiat, kelengkapannya untuk perjalanan adalah kesucian, air minumnya adalah lemah lembut, petunjuknya adalah petunjuk Ilahi, dan sahabatnya adalah mencintai yang terpilih.”** [Al-Kulayni, *al-Kafi*, kitab fadl al-'ilm, bab al-nawadir, hadith # 3]
- ❑ Rasulullah (saw) telah ditanya: **“Apa itu Ilmu?”** Baginda menjawab: **“Berdiam diri”**. Baginda ditanya: **“Kemudian?”**. Baginda berkata: **“Dengarkan dengan penuh perhatian”**. Baginda ditanya: **“Kemudian?”** Baginda berkata: **“Ingat”**. Baginda ditanya: **“kemudian?”** Baginda berkata: **“Amalkan (yang dipelajari)”**. Baginda ditanya: **“Kemudian?”** Baginda berkata: **“Sampaikan.”**[Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jilid 2, ms 28]
- ❑ Imam Ali (as) pernah berkata: **“Terdapat tiga tanda orang berilmu: “Ilmu, Sabar dan Diam.”** [Ibid, jilid 2, ms 59]

## Dilarang Mencari Ilmu untuk ...

Menurut dari ajaran Ahlul Bayt (as) keturunan Rasulullah (saw), adalah dilarang menuntut ilmu untuk keduniaan atau bertujuan kepentingan diri.

- ❑ Imam Ali (as) berkata: **“Jangan mencari ilmu untuk empat tujuan: (1)Mengagungkan diri dihadapan manusia berilmu (2) Berhujah dengan yang jahil (3) Mununjuk-nunjuk di dalam perhimpunan manusia (4) Menarik perhatian manusia untuk mendapatkan jawatan untuk berkuasa.”** [Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jilid 2, ms 31]